

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

## ATURAN RUSAN MESYUARAT

NASKHAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI SELASA, 15 JUN 2004 PUKUL 10.00 PAGI

**Bil. 7**

---

### PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

1. 21-100091  
**Datin Naomi Chong Set Mui** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan adakah rancangan untuk mengiktiraf kelayakan Unified Examination Certificate (UEC) untuk kemasukan ke universiti-universiti tempatan dalam jangka masa terdekat ini kerana keputusan UEC diterima pakai oleh banyak universiti luar negara.
2. 49-100249  
**Dato' Omar bin Faudzar** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah pihak Kerajaan tidak bercadang untuk membaik pulih rumah-rumah kos rendah yang telah dibina oleh Kerajaan sejak 10 hingga 20 tahun dahulu yang hanya mempunyai sebuah bilik tidur sahaja agar ianya lebih selesa untuk diduduki.
3. 45-100066  
**Tuan Haji Hassan bin Haji Shukri** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah generasi kedua Felda yang berjaya menjadi siswazah dan jumlah generasi kedua yang tidak menjadi petani di Felda sehingga 2003.

4. 27-100246  
**Puan Hajah Che Jam binti Harun** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan:-
  - (a) berapa banyakkah lagi projek perumahan yang masih tergendala dan gagal disiapkan oleh kontraktor di seluruh negara dan sejauh manakah keberkesanan Tribunal Perumahan di dalam menangani permasalahan perumahan rakyat ini; dan
  - (b) berapa banyakkah lagi projek perumahan yang telah siap namun masih menunggu kelulusan Sijil Kelayakan menduduki (CF).
5. 34-100155  
**Datuk Yaakob bin Haji Mohammad** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah perancangan dan strategi yang sedang dan telah diambil oleh Kementerian bagi memastikan negara dapat mewujudkan tamadun melalui Islam Hadhari yang dinamik, progresif serta mencapai keseimbangan dalam dunia global.
6. 7-100294  
**Dato' Ratnam a/l Muthiah** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan mengapa pemilik ladang-ladang tidak menunjukkan minatnya untuk mendirikan rumah bagi pekerja-pekerjanya walhal ladang-ladang dan lombong mempunyai ribuan ekar tanah dan hanya memerlukan 5 hingga 10 ekar untuk rancangan perumahan ini.
7. 39-100144  
**Tuan Wan Nordin bin Che Murat** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan adakah piawai ilmu pengetahuan yang dilaksanakan oleh CIDB mencapai keperluan yang dihendaki oleh industri pembinaan masa kini di dalam industri pembinaan, operasi, pentadbiran dan pengurusan projek. Adakah kolej atau universiti yang terlibat memberi piawai yang sama.
8. 47-100009  
**Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff** minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan faktor-faktor yang menyebabkan harga kereta tempatan terus meningkat menjelang pelaksanaan AFTA yang sebelum ini dikatakan bakal menurunkan cukai sehingga sifar peratus.

9. 44-100027  
**Puan Safinah binti Jusoh** minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan sejauh manakah tahap keseriusan ancaman keselamatan di perairan Selat Melaka sehingga Singapura cuba menjemput kuasa luar seperti Amerika Syarikat untuk bersama-sama mengawal perairan Selat Melaka. Sejauh manakah pula reaksi Kuala Lumpur dalam menyatakan sikapnya terhadap percubaan Singapura ini.
10. 18-100269  
**Tuan Ismail bin Kasim** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan penstrukturan pengurusan Khazanah dengan memindahkan semua saham syarikat tersenarai milik Kementerian yang diperbadankan akan memberikan kesan segera kepada kedudukan Bursa Malaysia dan tiadakah perancangan Kerajaan untuk memberi peluang kepada syarikat-syarikat bumiputera yang berwibawa untuk memiliki pegangan saham syarikat milik Khazanah untuk turut serta membina kekayaan dan kejayaan negara.
11. 17-100194  
**Tuan Lee Sing Chooi** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan bilangan orang yang mengalami kecacatan anggota atau kurang upaya yang berdaftar dengan Kementerian dan apakah jenis bantuan yang diberi kepada mereka. Apakah kekurangan dan kelebihan yang terdapat dalam bantuan-bantuan ini jika dibandingkan dengan negara-negara maju dan negara-negara membangun.
12. 19-100174  
**Datuk Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk membendung masalah pengangguran graduan IPTA & IPTS serta bagaimanakah cara untuk mengimbangkan pasaran kerja dengan jumlah pengeluaran graduan yang ramai.
13. 48-100202  
**Dato' Dr. Chin Fook Weng** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan oleh kerana kebimbangan tentang defisit kewangan Kerajaan telah disuarakan oleh beliau semasa mengadakan dialog belanjawan dengan sektor swasta, apakah tindakan-tindakan jangka masa pendek dan panjang diambil untuk mengawal masalah defisit ini.

14. 29-100286  
**Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain** minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan:-
- (a) sebanyak 70 Medan Info Desa dijangka akan ditubuhkan sehingga tahun 2005, setakat manakah pencapaian yang diperolehi oleh Kementerian dalam usaha menentukan sesebuah kampung itu maju, menarik dan mengutungkan melalui program Gerakan Daya Wawasan di seluruh Negara melalui program KEMAS; dan
  - (b) berapakah peruntukan tahunan untuk jurusan kemahiran yang diperuntukkan bagi bangunan, peralatan, program latihan dan sebagainya dan adakah Kementerian bercadang untuk mewujudkan kembali jawatan Pembantu Pemaju Masyarakat TBK.
15. 20-100059  
**Tuan Osman bin Bungsu** minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk mendaftar guru Bimbingan dan Kaunseling sebagai Kaunselor sebagai Kaunselor berdaftar (Akta Kaunselor 1998 – Akta 580) serta mengiktiraf jawatan tersebut sebagai jawatan 'Kenaikan Pangkat', bagi meningkatkan keberkesanan pentadbiran sekolah menyelesaikan masalah salah laku pelajar dan kemerosotan minat guru terhadap tugas.
16. 9-100243  
**Dato' Haji Muhammad bin Haji Abdul Ghani** minta **MENTERI HAL EHWAL DALAM NEGERI** menyatakan sama ada Kementerian sedia maklum tentang penderatang warga asing yang bekerja di Malaysia menggunakan pasport palsu di mana setelah tamat tempoh permit, mereka ini kembali bekerja dengan menggunakan identiti baru dan apakah langkah-langkah untuk mengatasi kelemahan ini.
17. 37-100216  
**Dato' Lim Sing @ Lam Kam Sang** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan sama ada Kerajaan bercadang untuk menghapuskan subsidi padi dan baja kepada petani pada masa akan datang sebagai menunaikan komitmen untuk melaksanakan AFTA.

18. 40-100221  
**Datuk Hajah Hazizah binti Mohd. Sultan** minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan:-
- (a) apakah masalah-masalah yang timbul dalam usaha Kementerian melaksanakan Skim Baucer Tuisyen (SBT) dan adakah ia dikendalikan sepenuhnya oleh pihak Jabatan Pendidikan Negeri atau terdapat konsultan yang dilantik bagi mengendalikan SBT ini; dan
  - (b) apakah yang telah dilaksanakan oleh Jawatankuasa Kajian Pengajian Islam, diketuai oleh Tan Sri Murad yang telah ditubuhkan untuk mengkaji isu pendidikan Islam termasuk peranan Sekolah Agama Rakyat (SAR) dalam usaha memperkukuhkan pendidikan Islam di sekolah-sekolah kebangsaan.
19. 44-100024  
**Puan Safinah binti Jusoh** minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan apakah langkah-langkah pro-aktif yang diambil oleh Kerajaan dalam usaha meningkatkan keselamatan perairan negara daripada ancaman lanun mahupun pengganas.
20. 17-100176  
**Tuan Lee Sing Chooi** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan bilangan kertas penyelidikan yang diterbitkan di arena antarabangsa dari tahun 2000 hingga 2004 bagi setiap Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) di Malaysia.
21. 22-100064  
**Dato' Dr. Vijayaratnam a/l Seevaratnam** minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan apakah langkah-langkah yang sedang diambil untuk memastikan keselamatan kapal-kapal di Selat Melaka daripada serangan pengganas.
22. 33-100108  
**Datuk Kalakau @ Kalakan bin Untol** minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan apakah terdapat rancangan untuk memperbesarkan atau membina satu penjara baru di Kota Kinabalu di waktu yang terdekat ini memandangkan tempat yang sedia ada sudah terlalu lama dan sesak.
23. 9-100238  
**Dato' Haji Muhammad bin Haji Abdul Ghani** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan secara terperinci bilangan sekolah jururawat swasta yang terdapat di negara kita dan cara pemantauan yang dilaksanakan dalam melahirkan jururawat yang berkualiti dan berkaliber.

24. 7-100298  
**Dato' Ratnam a/l Muthiah** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada beliau sedar bahawa baru-baru ini terdapat lebih kurang 400 pegawai kerani telah direkrut untuk Jabatan Pendaftaran Negara dan tiada seorang pun dari keturunan Cina dan India walau pun ada yang memohon. Apakah dasar Kerajaan untuk mengisi kekosongan yang wujud dalam jabatan Kerajaan.
25. 12-100127  
**Datuk Mansor bin Haji Md. Jaafar** minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan sama ada pihak Kerajaan British telah memberikan penjelasan rasmi kenapa 11 orang pelancong kita dihantar pulang dengan serta merta dan 3 orang lagi ditahan dan digeledah periksa sebelum dihantar pulang setibanya mereka di lapangan terbang Heathrow, London baru-baru ini dan dengan adanya perkembangan semasa seperti insiden-insiden yang menggemparkan berlaku di Iraq, Palestin dan sebagainya. Bagaimanakah tahap keselamatan perjalanan dan rakyat Malaysia yang menjadi pelancong tulen supaya tidak diperlakukan sedemikian lagi.
26. 20-100050  
**Tuan Osman bin Bungsu** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah penjelasan mengenai cadangan dan syor SUHAKAM berkaitan Hak Asasi Orang Asal khususnya masyarakat Orang Asli Semenanjung Malaysia terhadap isu-isu politik, pendidikan, ekonomi, tanah dan lain-lain yang berkaitan.
27. 39-100134  
**Tuan Wan Nordin bin Che Murat** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan bahawa terdapat sebahagian institusi pengajian tinggi yang menjalankan program/kursus dalam bidang pembinaan. Bagaimanakah Kementerian menyemak semula program/kursus tersebut bagi memastikan ianya sentiasa relevan dengan kehendak industri kita dan berapa banyakkah individu yang benar-benar terlatih mengikut keperluan industri tersebut.
28. 7-100295  
**Dato' Ratnam a/l Muthiah** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan mengapa Kerajaan tidak boleh membayar gaji yang hampir serupa yang dibayar oleh hospital SWASTA kepada doktor dan pakar perubatan awam bagi mengelak banjiriran golongan berkenaan ke sektor swasta.
29. 4-100305  
**Puan Jaya Partiban** minta **MENTERI TENAGA, AIR DAN KOMUNIKASI** menyatakan adakah Kementeriannya merangka plan segera yang tertentu untuk membekalkan air bersih kepada semua kawasan dan bilakah ia akan dapat dilaksanakan dengan sepenuhnya.

30. 45-100040  
**Tuan Haji Hassan bin Haji Shukri** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan langkah-langkah yang akan diambil oleh Kerajaan untuk memperkukuhkan semula sektor pertanian di negara ini.
31. 33-100106  
**Datuk Kalakau @ Kalakan bin Untol** minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan apakah modifikasi yang akan dilakukan oleh Kerajaan terhadap modul Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) pada masa kini demi memantapkan lagi program tersebut.
32. 49-100242  
**Dato' Omar bin Faudzar** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah pihak Kementerian tidak bercadang untuk mengkaji semula harga rumah kos rendah dan menetapkan syarat sekurang-kurangnya rumah sebegini harus mempunyai 3 bilik tidur agar lebih ramai golongan berpendapatan rendah dapat membelinya dan hidup dengan lebih selesa.
33. 9-100248  
**Dato' Haji Muhammad bin Haji Abdul Ghani** minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan adakah pihaknya bercadang untuk PERHEBAT mengadakan satu program latihan khusus untuk bakal pesara Angkatan Tentera Malaysia (ATM) menjadi pengawal keselamatan supaya mereka dapat menyesuaikan diri kerana kerjaya ATM dengan kawalan keselamatan berbeza dari segi keselamatan dan fizikal.
34. 45-100045  
**Tuan Haji Hassan bin Haji Shukri** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan jumlah wang daripada dana-dana bantuan kesihatan yang telah disalurkan oleh Kerajaan kepada pesakit-pesakit kronik pada 2003 mengikut dana.
35. 49-100244  
**Dato' Omar bin Faudzar** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah tindakan yang telah dan akan diambil oleh pihak Kementerian untuk memastikan individu tenaga mahir warga asing (expatriate) yang berkhidmat dengan syarikat-syarikat tempatan menjelaskan cukai pendapatan mereka kepada Kerajaan.
36. 20-100051  
**Tuan Osman bin Bungsu** minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan apakah punca dan implikasinya terhadap kerjaya berhubung dengan peperiksaan Penilaian Tahap Kendiri (PKT) yang diambil oleh golongan profesional pendidikan iaitu guru, di mana 130 ribu yang mengambil peperiksaan hanya lulus 0.9% sahaja.

37. 35-100289  
**Dato' Haji Arzmi bin Haji Abdul Hamid** minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan apakah langkah terbaik bagi mengawal disiplin di sekolah menengah yang kian menjadi-jadi di mana banyak kes-kes buruk berlaku di sekolah-sekolah menengah.
38. 37-100203  
**Dato' Lim Sing @ Lam Kam Sang** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sama ada Kerajaan bercadang mengurangkan cukai pendapatan syarikat pada Bajet tahun 2005 memandangkan Kerajaan sudah berkali-kali menolak permintaan sektor korporat untuk berbuat demikian.
39. 46-100084  
**Puan Wan Ubaidah binti Omar** minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan berapakah kes kecederaan dan salah laku yang berlaku di kalangan pelatih Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) dan adakah Kementerian bercadang untuk mengkaji semula pelaksanaannya.
40. 41-100099  
**Tuan Poh Mok Hua @ Poh Bak Hoe** minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan tentang Sekolah Menengah Kebangsaan Bantuan Modal memerlukan bantuan daripada Penyokong Sekolah:-
- (a) adakah Kementerian memberi kebebasan kepada sekolah untuk memberi keutamaan bagi menerima anak-anak penyokong masuk ke sekolahnya bagi menarik lebih ramai Penyokong Sekolah; dan
  - (b) jika tidak, adakah Kementerian sedia untuk berbuat demikian.
41. 18-100278  
**Tuan Ismail bin Kasim** minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan tindakan yang telah diambil oleh pihak Kementerian kepada Syarikat Perunding (Payung) bagi projek jalan dan bekalan air luar bandar yang gagal menjelaskan bayaran kepada kontraktor Kelas "F" yang telah pun menyiapkan projek masing-masing.

**ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL**

1. (D.R. 4/2004) Rang Undang-undang Insurans Luar Pesisir (Pindaan) 2004 – **Menyambung semula Perbahasan atas masalah “Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang”**. [14 Jun 2004]
  
2. (D.R. 3/2004) Rang Undang-undang Komunikasi dan Multimedia (Pindaan) 2004. Bacaan Kali Yang Kedua
  
3. (D.R. 5/2004) Rang Undang-undang Lembaga Minyak Sawit Malaysia (Pindaan) 2004. “
  
4. (D.R. 7/2004) Rang Undang-undang Perbekalan (Penguntungan Semula Peruntukan Perbelanjaan) 2004. “
  
5. 52-100327  
**Dato’ Ikhwan Salim bin Dato’ Haji Sujak** akan mencadangkan:-  
 Bahawa mencadangkan kepada pihak Kerajaan agar menubuhkan satu Tabung/Dana bagi tujuan pembayaran terus kepada kontraktor daripada menunggu pembayaran daripada Pihak Berkuasa Tempatan yang sering kali mengambil tempoh yang lama sehingga menyebabkan kontraktor ini terpaksa gulung tikar. Pihak Berkuasa Tempatan akan membuat pembayaran terus kepada Tabung/Dana yang bakal ditubuhkan.
  
6. 52-100330  
**Dato’ Ikhwan Salim bin Dato’ Haji Sujak** akan mencadangkan:-  
 Bahawa mencadangkan kepada pihak Kerajaan agar pinjaman-pinjaman yang diberikan kepada kontraktor bumiputera dapat disalurkan melalui satu jawatankuasa yang memastikan kontraktor-kontraktor ini membeli peralatan-peralatan yang diperlukan bagi melaksanakan projek yang dirancang daripada hanya menggunakannya dengan sesuka hati dan kemudiannya tidak mampu membayar kembali pinjaman tersebut. Ini seringkali terjadi kepada kontraktor baru dan tujuan pinjaman ini adalah bagi melahirkan kontraktor yang berjaya dan berwibawa.

7. 52-100328  
**Dato' Ikhwan Salim bin Dato' Haji Sujak** akan mencadangkan:-  
Bahawa mencadangkan kepada pihak Kerajaan agar menubuhkan satu jawatankusa bagi mengkaji teknik penggunaan pembelajaran terkini seperti "Kumon Mathematical Learning", "Speed Learning" dan sebagainya untuk di implementasikan di peringkat sekolah-sekolah memandangkan teknik ini terbukti berjaya.
  
8. 52-100331  
**Dato' Ikhwan Salim bin Dato' Haji Sujak** akan mencadangkan:-  
Bahawa mencadangkan kepada pihak Kerajaan yang berkenaan di peringkat universiti. Sebagai contoh, bagi pelajar yang meminati sektor perbankan, mereka akan diperkenalkan kepada cabang-cabang perbankan seperti perbankan Islam, moden, konvensional dan sebagainya.
  
9. 52-100329  
**Dato' Ikhwan Salim bin Dato' Haji Sujak** akan mencadangkan:-  
Bahawa mencadangkan kepada pihak Kerajaan untuk mengambil alih dewan-dewan yang kurang berfungsi yang terdapat di bawah tanggungjawab Pihak Berkuasa Tempatan untuk dijadikan Dewan Sukan "Futsal" yang kebelakangan ini dapat menarik minat anak-anak muda. Ianya bukan hanya dapat mengurangkan budaya lepak malah anak-anak muda ini tidak perlu mengeluarkan belanja yang banyak dengan menyewa dewan "Futsal" swasta.

**RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT**

<b><u>TAHUN</u></b> <b><u>2004</u></b>	<b><u>RISALAT/DOKUMEN</u></b>	<b><u>TARIKH</u></b> <b><u>DIBENTANGKAN</u></b>
ST.10	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga kemajuan Pertanian Muda (MADA) Bagi Tahun 2000 (Telah Diaudit)	15 Jun 2004
ST.11	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Perbadanan Kemajuan Kraf Tangan Malaysia (PKKM) Bagi Tahun 2002 (Telah Diaudit)	15 Jun 2004
ST.13	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Tahun 2000 Universiti Pendidikan Sultan Idris (Telah Diaudit)	15 Jun 2004
ST.14	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Tahun 2001 Universiti Pendidikan Sultan Idris (Telah Diaudit)	15 Jun 2004
ST.32	Penyata Keluaran Wang Daripada Simpanan Luar Jangka Bagi Tempoh 28 Mei Hingga 31 Disember, Menurut Seksyen 6 (3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan , 1966	15 Jun 2004
ST.78	Laporan Tahunan Bank Negara Malaysia 2003	15 Jun 2004
ST.87	Laporan Tahunan Insurans 2003	15 Jun 2004
ST.88	Laporan Tahunan Takaful 2003	15 Jun 2004